

SOLAT

Subuh	5.52
Syuruk	7.09
Zuhur	1.13
Asar	4.14
Maghrib	7.16
Isyak	8.24

PERTINGKAT DIRI

Pekerja Melayu dibantu raih pekerjaan bernilai, gaji tinggi

DALAM NEGERI, 2



20,000 PEKERJAAN

IR dijangka ambil kakitangan mulai pertengahan tahun ini

DALAM NEGERI, 4



TERCERUT HUTANG

Dulu kebanggaan, kini flat jadi beban

DALAM NEGERI, 10&11

ADA-ADA SAJA...

Malu teman lelaki lebih seksi

BEIJING: Malang sungguh nasib seorang lelaki China yang terpaksa menjalani pembedahan mengecilkan buah dada kerana teman wanitanya malu kerana buah dadanya lebih kecil.

Akhbar *Chongqing Business News* melaporkan, wanita itu, Cik Xiao Feng, mengugut akan memutuskan perhubungan jika Encik Zhang Jianguo tidak melakukan pembedahan itu.

Cik Xiao malu setiap kali keluar apabila Encik Zhang sebaliknya mendapat lebih perhatian kerana saiz buah dada lebih besar.

Doktor di Hospital First Affiliated di Universiti Chongqing menyedut lebih 200 mililiter lemak daripada tisu buah dada Encik Zhang. - Agensi.

Jadi pembengis dek ginjal baru

LANCASHIRE: Seorang wanita mendakwa buah pinggang yang baru diterimanya Mei tahun lalu menyebabkan personalitinya berubah.

Cik Cheryl Johnson, 37 tahun, dari Preston, Lancashire, England, berkata beliau percaya sikap barunya itu 'diwarisi' daripada pemilik asal buah pinggang berkenaan iaitu lelaki berusia 59 tahun yang mati.

Ibu tunggal itu mendakwa sejak menerima buah pinggang baru itu, minatnya terhadap sastera juga berubah iaitu daripada novel biasa sebelum itu kepada novel klasik seperti karangan Dostoevsky.

"Anda mewarisi ciri peribadi daripada penerima anda. Anak lelaki saya kata, selepas saya menjalani pembedahan pemindahan organ ini, saya jadi bengis dan bersemangat padahal itu bukanlah peribadi saya sebelum ini," katanya. - Agensi.

FOTO: NADZRI EUNOS

TERIMA SOKONGAN: Sekolah Rendah Evergreen juga menyediakan pendamping bagi Rifa'i, iaitu dua rakan sedarjahnya, Farhan Abdul Rahman (kiri) dan Muhammad Firdaus Roslan.



Oleh NADZRI EUNOS
nadzri@sph.com.sg

MESKIPUN Muhammad Rifa'i Abdul Aziz tinggal dekat dengan sekolah, dia terpaksa naik teksi khas setiap hari.

Belanjanya - sekitar \$300 sebulan.

Ia perlu kerana Rifa'i, murid darjah enam menghidap penyakit *muscular dystrophy* yang meragut keupayaannya untuk bergerak seperti biasa dan terpaksa berkerusi roda.

Namun, sejak awal tahun ini, beban kewangan yang dipikul keluarganya ringan sedikit dengan adanya bantuan daripada sekolahnya, Sekolah Rendah Evergreen di Woodlands Circle.

Selain kos pengangkutan, pihak sekolah juga memastikan Rifa'i, yang bapanya, Encik Abdul Aziz Karim, seorang teknisyen dan ibunya, Cik Nooraini Mawar, seorang suri rumah mendapat bimbingan tambahan.

Dua teman sedarjahnya juga ditugaskan sebagai pendampingnya ketika di sekolah.

Semuanya diperbolehkan dengan adanya program sokongan menyeluruh yang disediakan oleh Sekolah Rendah Evergreen.

Mungkin utama ialah Dana Pelajar Cacat yang baru dilancarkan sekolah itu Januari lalu dengan

ANDA TIDAK KESEORANGAN

Sekolah Rendah Evergreen lancar Dana Pelajar Cacat

sumbangan \$20,000 daripada Yayasan Tan Chin Tuan.

Ditemui baru-batu ini, Pengerusi Sekolah Rendah Evergreen, Encik Tan Kah Teo, berkata pendekatan menyeluruh dalam membantu murid-murid kurang upaya bertujuan untuk memberi mereka peluang yang sama seperti kanak-kanak biasa.

"Kami ingin memupuk sikap keprihatinan terhadap orang kurang bernasib baik di kalangan murid-murid kami. Pada masa yang sama, kami cuba bantu murid-murid yang kurang upaya supaya mereka dapat cemerlang seperti yang lain.

"Pokoknya mereka perlu bekerja keras dan bila dah berjaya kelak jangan lupa menabur bakti kembali kepada masyarakat," jelas Encik Tan.

Ini tidak mustahil kerana tiga

murid berkerusi roda dari sekolahnya telah pun melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah.

Di samping enam murid yang berkerusi roda, Sekolah Rendah Evergreen, yang mempunyai kemudahan bagi golongan kurang upaya, juga mempunyai sekitar 60 murid yang mempunyai kecacatan belajar seperti autistik dan disleksik.

Dana tersebut digunakan untuk menguji dan melakarkan program pendidikan khas untuk mereka.

Bagi Rifa'i, anak sulung dalam keluarga tiga beradik, dia amat bersyukur dengan sokongan yang diterimanya.

"Saya harap dapat buktikan orang cacat seperti saya tetap boleh berjaya," katanya yang menyempurnakan impian menjadi pemandu kereta lumba.

Abdullah: Ada cubaan jatuhkan kerajaan

Pembangkang didakwa tawar berjuta ringgit tarik Ahli Parlimen BN paling tadah

PUTRAJAYA: Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau sedar mengenai cubaan pakatan parti pembangkang untuk 'membeli' ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dengan menawarkan wang berjuta ringgit dalam usaha menjatuhkan kerajaan.

"Saya sedar... itulah yang saya dengar orang kata," katanya menjawab soalan pemberita selepas memengerusikan mesyuarat pertama Kabinet barunya di Pejabat Perdana Menteri petang kelmarin.

Datuk Seri Abdullah menegaskan, tidak ada sebab untuk kerajaan yang diterajui ditumbangkan kerana kerajaan BN kuat dan mendapat sokongan rakyat.

"Kenapa perlu kerajaan ini ditumbangkan? Kerajaan ini amat kuat dan kita juga mendapat sokongan. Kita tidak keluar membeli orang," katanya.

Pakatan pembangkang yang menag 82 kerusi pada pilihan raya umum ke-12 dikatakan sedang berusaha menarik beberapa ahli Parli-

men parti komponen BN di Sabah dan Sarawak untuk mencapai majoriti mudah dalam Dewan Rakyat, sekali gus membentuk kerajaan.

Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, juga dilaporkan sebagai berkata, beberapa Ahli Parlimen BN, terutama di Sabah dan Sarawak, sedia menim-

bang kemungkinan menyertai pakatan pembangkang.

BN memenangi 140 kerusi Parlimen bagi membolehkannya menubuhkan kerajaan dengan majoriti mudah dan hanya kekurangan lapan kerusi untuk majoriti dua pertiga.

Datuk Seri Abdullah berkata, Datuk Seri Anwar boleh membuat sebarang dakwaan yang disukainya.

"Beliau mendakwa macam-macam dan biarlah beliau mendakwa apa yang beliau suka," katanya.

Sementara itu, Pengerusi BN Sabah, Datuk Seri Musa Aman, yakin ahli-ahli Parlimen Umno dan parti-parti komponen di negeri itu tidak akan menyertai pakatan pembangkang.

Bagaimanapun beliau menegaskan, pihaknya tidak boleh menyekat Datuk Seri Anwar daripada bertemu mereka bila-bila masa.

"Kita tidak boleh menghalang mereka bercakap dengan Anwar tetapi kita percaya mereka akan terus setia kepada BN dan tidak akan menganggotai parti pembangkang.

"Saya mempunyai kepercayaan tinggi kepada mereka yang dipilih rakyat atas tiket BN untuk terus mempertahankan kewibawaan," katanya kelmarin.

Semalam, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata BN akan

menghantar pasukan risikanya ke Sabah dan Sarawak tidak lama lagi bagi menyasat dakwaan itu.

"Maklumat yang diterima setakat ini ada yang sah dan tidak sah. Ada kata gini, ada kata gitu," katanya. - Bernama, BHM, Utusan Malaysia.



"Kenapa perlu kerajaan ini ditumbangkan? Kerajaan ini amat kuat dan kita juga mendapat sokongan. Kita tidak keluar membeli orang."

- PM Abdullah

► Laporan lain, 15, 16 & 21



8 887181 520006

WISATA SUIOK!

48h Kuala Lumpur
bersama *Flora & Adli*
26 & 27 April 2008

Penginapan di *Desaru Golden Beach Resort*
Sesi bersama *Muzium Pulu - Pengajaran Payudara dan Jambu* untuk kesihatan & kecantikan

Sesi *makeup*
Acara *makeup di tepi pantai*
2 sarapan, 7 makan tengahari
X-Block *Wanda Gase Dinner* bersama *ada dan ada-ada*
Shopping di *Plaza Angsana, Johor*

Keberangkatan **BATAM** Akan Datang:
12-13 April 2008

27h KL Shopping
19-20 Apr '08

Federal Hotel 4* di kawasan Bukit Bintang
2 sarapan
Shopping di *Masjid India / Petaling Street & Chocolate Factory*

Hanya **\$99**

Dubai - Sharjah - Abu Dhabi
30 Apr - 5 Mei '08
(Cuti Hari Buruh)

\$2188 Discount!!!
*Sebelum Tax

Lawatan: Dubai Marina, Dubai Museum, Grand Mosque, Bastakia, Zabeel Sheikh Palace, Abra, Desert Safari, King Faisal Mosque, Dhow Cruise, The Creek

Shopping: Burj Dubai, Ibn Batutta, Festival City, Heritage Village, Gold & Textile Souk, Blue Souk, Dragon Mart, Naif Market, Al Ghair, Burjuman, Karama, Mall of Emirates / Ski Dubai, Marina Mall

5H Seoul, Korea
30 Apr - 4 Mei '08
(Cuti Hari Buruh)

\$1599 *Sebelum Tax
Ikut *Adli*!

Nami Island, Itaewon Central Masjid, "N Seoul Tower", Everland Themepark, Strawberry Farm, BlueHouse, Gyeongbok Palace, Han River Cruise, Folklore Museum, Shopping at Itaewon, Ginseng & Amethyst Shopping, Namdaemun Market, Dongdaemun Market, Myeongdong, Wolmido Seagull Cruise

48h Manila
31 Mei - 8 Jun (Cuti Sekolah)

\$899 *Sebelum Tax

Lunch "dalam" sungai di Air Terjun
Muzium Kasut *Inelda Marcos* (2000 pasang kasut), Sepatu terbesar di dunia, *Villa Escudero*, *Tagaytay Ridge* (Mini Baguio), Gunung *Berapi & Tasik Taal*, *Perserbanahri Budaya* ala *Sepanyol*, Naik kereta *Carabeo*, *Manila Bay*, *Makati City*, *Rizal Park*, *Intramuros*, *Fort Santiago*, *Golden Mosque*, *Metro Manila*, *Coconut Palace*, *Casa Manila*, *Greenhills*, *Shoe Outlet Store*, *Mall of Asia*

Bangkok - Pattaya
4H (1 - 4 Mei)
(Cuti Hari Buruh)

\$599 *Sebelum Tax
Hampir PENUH!

Noong Noch Village, Coral Island, Rivercruise di Sungai *Chaophraya*

Beli-belah di *Walking Street*, *World's Biggest Gem Store*, pusat pengeluaran produk sutera & kulit, *Maboonkrong*, *Pratunam*, *Suan Lum*, *Pat Pong*

3 Breakfast, 3 Lunch, 3 Dinner

KUCHING SARAWAK
4H (16 - 19 Mei) Cuti Vesak
Ikut *Syah!* **\$599** *Sebelum Tax

Hotel Holiday Inn Kuching, Holiday Inn Resort Damai Beach, Muzium Negara Sarawak, Muzium Islam, "Cat Museum", Aquarium Bandaraya, Kampung Budaya Sarawak, Cruise makan malam di Sungai Sarawak, pertunjukan kebudayaan, Main Bazaar, Pasar Minggu Satok & Sarawak Pottery

CRUISE UNTUK IBU
9-11 Mei 2008
sempena *Hari Ibu*
Hampir PENUH!

Keberangkatan **CRUISE** Akan Datang: **CUTI SEKOLAH BULAN JUN**

bersama Syah & Adli!

STAR CRUISE - AQUARIAS

Dengan Kerjasama

e-ventions 397-A Changi Rd
travel (Bersebelahan Lorong Melayu)
www.ev.com.sg

Hotline 24 Jam **6547 4458**